

PM: Perbezaan pendapat selesaikan dalam suasana yang matang

ELAKKAN SELISIH FAHAM

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, mengingatkan semua pemimpin dan ahli parti komponen Barisan Nasional mengelakkan selisih faham dan pendapat yang boleh membawa kerenggangan dan perpecahan.

Perbezaan pendapat, tegas Perdana Menteri, harus diselesaikan dalam suasana yang matang supaya keharmonian berpolitik di kalangan anggota Barisan dapat dipelihara.

"Sebagai Pengerusi Barisan Nasional, saya mempunyai tanggungjawab yang berat untuk memelihara keharmonian itu," katanya ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Tahunan GERAKAN Ke-11.

Beliau menegaskan, sebagai satu keluarga yang besar, Barisan Nasional tidak dapat mengelakkan diri dari perbezaan-perbezaan pendapat.

"Perbezaan-perbezaan ini tidak semestinya menimbulkan sesuatu yang buruk, kerana jika ia diselesaikan dalam suasana yang matang, kita akan mendapat banyak manfaat darinya," jelas beliau lagi.

Datuk Seri Dr. Mahathir kemudian mengingatkan parti-parti komponen BN, jangan

Oleh ZAINUDDIN AYIP

cuma mementingkan perspektif parti sendiri, tanpa memperhitungkan konteks BN keseluruhannya.

Kekuatan BN, katanya, terletak pada penerimaan parti-parti komponen terhadap pentingnya kedua-dua perspektif parti dan perspektif keseluruhan BN.

"Ini amat penting untuk menjaga keutuhan kita," tambahnya.

Menurut beliau, jika sesebuah parti mementingkan perspektif partinya "tentulah perjalanan kita akan sumbang dan kita akan menanggung berbagai masalah yang lebih merupakan ciptaan kita sendiri."

"Ini akan menjejaskan persefahaman dan keterlibatan perjalanan BN sebagai sebuah gabungan parti politik yang mendukung Kerajaan," ujarnya lagi.

Perdana Menteri kemudian menimbulkan kecaman setengah pihak mengenai sistem demokrasi yang diamalkan sekarang.

"Kita tidak gentar dengan kecaman setengah pihak yang mengangap diri mereka sebagai pentafsir demokrasi itu, kerana demokrasi kita adalah unik. Demikian juga dengan sistem demokrasi di negara-negara liberal yang lain," katanya.

Beliau menegaskan, tiada siapa yang boleh berkata bahawa cuma sistem mereka saja

yang demokratik.

"Sebenarnya demokrasi liberal ala Barat adalah tidak demokratik kerana 'the silent majority' ditindas oleh 'the activist minority,'" tegas beliau lagi.

Beliau berpendapat, pemerintahan yang dikuasai oleh minoriti sudah tentu tidak demokratik.

Datuk Seri Dr. Mahathir kemudian mengingatkan anggota-anggota dalam BN dan sebagai rakyat yang cintakan negara supaya berhati-hati membangunkan politik.

"Politik adalah alat, bukannya matlamat kita. Menganggap politik sebagai matlamat boleh mengaburi mata kita tentang matlamat-matlamat sebenar kita, iaitu kebahagiaan, kestabilan, keharmonian dan sebagainya yang harus dinikmati oleh rakyat sesebuah negara merdeka, berdaulat dan maju," tegasnya.

Mengenai keadaan ekonomi di peringkat antarabangsa, Perdana Menteri berkata: "Ia masih berada di tahap yang membimbangkan."

"Walaupun kita tidak serius terancam, tapi kita tidak dapat memastikan dengan tepat bilakah keadaannya akan pulih. Harapan kita ialah ekonomi dunia beransur pulih menjelang pertengahan tahun depan," katanya.

Dari segi politik pula, beliau berharap, sesuatu asas penyelesaian yang adil akan tercapai di Asia Barat dan keadaan di wilayah Asia Tenggara akan kembali stabil dengan penyelesaian masalah Kampuchea.

No. Siri 2975
No. Penerimaan 72458